

Mahathir jawab tuduhan desak Proton kekalkan Mahaleel CEO

MM - 6/2/2005: 124

Oleh ASUKI ABAS

PUTRAJAYA 5 Feb. – Tun Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan, beliau tidak pernah campur tangan dalam urusan pentadbiran Proton Holdings Bhd. (Proton) sehingga mencetuskan peletakan jawatan Datuk Abu Hassan Kendut sebagai Pengerusi syarikat itu.

Bekas Perdana Menteri berkata, beliau juga tidak pernah mendesak atau merayu kepada Lembaga Pengarah Proton untuk mengekalkan Datuk Tengku Mahaleel Tengku Ariff sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat kereta kebangsaan itu.

Dr. Mahathir yang juga Penasihat Proton berkata, dakwaan bahawa beliau menggunakan kuasanya untuk memengaruhi Perdana Menteri, Datuk Seri

Abdullah Ahmad Badawi juga tidak benar kerana dia hanya memberi pendapatnya selepas Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop meminta pandangan mengenai kedudukan Tengku Mahaleel sebagai CEO.

● Komen PM – Muka 2

“Saya tidak pernah merayu kepada Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Bhd. atau Lembaga Pengarah Proton. Saya tidak pernah memberi tekanan kepada kerajaan.

“Saya hanya Penasihat Proton, bukan penasihat kerajaan. Saya tidak bercajak kepada kerajaan atau beritahu kerajaan apa yang hendak dibuat.

“Saya juga tidak pernah memeningkan kepala Perdana Menteri (sebab) saya

tidak pernah berhubung dengannya kerana dia mestinya amat sibuk.

“Tetapi jika kerajaan bertanyakan sesuatu kepada saya (mengenai Proton), saya rasa saya berhak mengemukakan pandangan (jadi) bila Nor Yakcop tanya saya sama ada Tengku Mahaleel patut dikekalkan, saya kata ya. Saya tidak nampak sebabnya untuk memecat dia,” tegas beliau.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di pejabatnya di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Bekas Perdana Menteri menjelaskan mengenai laporan akhbar asing semalam yang mendakwa Abu Hassan meletak jawatan awal minggu ini berikutan campur tangan dan tekanan yang

Mahathir jawab tuduhan desak Proton kekalkan Mahaleel CEO

dikenakan oleh Dr. Mahathir dalam pentadbiran Proton serta usaha untuk memecat Tengku Mahaleel.

Hari ini, dua akhbar tempatan pula melaporkan, Abu Hassan meletak jawatan selepas Khazanah Nasional Bhd., pemegang saham utama Proton, memutuskan untuk menerima rayuan Dr. Mahathir supaya Tengku Mahaleel dikekalkan.

Utusan Malaysia pula melaporkan mengenai pe-

lantikan tokoh korporat, Datuk Mohammed Azlan Hashim, sebagai pengganti Abu Hassan yang meletakkan jawatan yang dipercayai akibat krisis pengurusan dalaman Proton.

Menurut Dr. Mahathir, beliau merasakan Tengku Mahaleel tidak sepatutnya dipecat atas alasan "tidak disukai ramai" seperti yang dinyatakan oleh Lembaga Pengarah Proton atau sebarang alasan salah urus syarikat memandangkan prestasi Proton adalah amat baik di bawah CEO tersebut.

Tambah beliau, sekiranya Lembaga Pengarah Proton tetap mahu memecat Tengku Mahaleel sekalipun, orang luar tidak perlu dilantik sebagai CEO kerana terdapat ramai kakitangan Proton sedia ada yang mampu untuk menguruskan syarikat tersebut.

"Saya ada bertemu dengan ahli Lembaga Pengarah Proton untuk mendapatkan pandangan. Selain daripada luahan rasa bahawa mereka tidak suka CEO itu (Tengku Mahaleel) sebab dia tidak mahu buat beberapa benda yang mereka suruh, bukannya ada rungutan sebenar mengenai macam mana Proton diuruskan.

"Bagaimanapun, saya rasa Lembaga Pengarah mahu membawa masuk orang luar (menggantikan Tengku Mahaleel) dan walaupun mereka berhak melakukannya, di kalangan pekerja Proton sendiri pun ada orang yang layak menjadi CEO," katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau tidak dapat mengesahkan laporan tersebut kerana tidak dimaklumkan secara rasmi mengenai peletakan jawatan Abu Hassan mahupun pelantikan Mohammed Azlan.

"Sehingga sekarang, tidak ada makluman rasmi kepada saya, mereka (Lembaga Pengarah) tidak perlu melaporkan kepada saya sebenarnya," kata beliau.

Menurut Dr. Mahathir, Proton sebenarnya tidak perlu disusun semula atau ditukar pengurusannya.

"Kalau kita mahu menyusun semula atau menukar CEO sebab sesebuah syarikat itu dalam masalah tidak mengapa. Tetapi kita janganlah susun semula syarikat yang berprestasi baik; Proton bukannya sebuah syarikat yang teruk kerana ia membuat keuntungan yang besar serta kaya dengan aliran tunai.

"Saya rasa sekiranya seorang CEO dapat mengekalkan keuntungan syarikat di tengah-tengah persaingan sengit dan memperbaiki pemerolehan teknologi syarikat, dia tidak sepatutnya dipecat," tegas bekas Perdana Menteri.

Beliau bagaimanapun mengingatkan bahawa walaupun terdapat pelbagai laporan negatif mengenai Proton, syarikat itu masih berdaya saing dan sentiasa menjadi sasaran pengambilalihan terutama oleh pelabur asing.